

Terowong SMART dibuka kepada kereta tidak lama lagi

SHAH ALAM 16 Jan. - Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) Kuala Lumpur yang sedang dibina oleh Gamuda Bhd. bersedia untuk dibuka kepada para pemandu tidak lama lagi, kata Pengarah Urusan kumpulan syarikat itu, Datuk Lin Yun Ling.

Disifatkan sebagai yang pertama di dunia bagi dua kegunaan, SMART dibina untuk mengurangkan masalah banjir, dijangka disiapkan dan beroperasi menjelang Jun tahun ini.

Projek itu mengandungi dua bahagian.

"Sebahagian ialah terowong jalan raya kereta. Saya telah melawatnya minggu lepas, mereka sedang membersihkan

dan membuat kerja terakhir," Lin memberitahu pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

"Jadi kami bersedia untuk membukanya kepada kereta-kereta tidak lama lagi," katanya.

Yun Ling berkata, 'Laluan Kereta Smart' sepanjang empat kilometer, sebahagian daripada projek Terowong Smart berharga RM2 bilion itu, akan dibuka kepada orang ramai sebaik bahagian akhir laluan kereta itu disiapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Saya fikir DBKL sedang bekerja pantas ke atas satu bahagian untuk menyambungkan ke Jalan Sultan Ismail, di

hadapan Hotel Parkroyal. Saya fikir mereka mungkin akan menyiapkannya menjelang pertengahan atau akhir bulan Mac. Kemudian, ia akan dibuka kepada orang ramai," katanya.

Satu lagi komponen projek itu — pembinaan terowong 9.7 kilometer untuk mengalirkan air banjir — dijadual siap menjelang bulan Jun tahun ini.

Terowong bawah tanah berukuran garis pusat 11.8 meter bermula dari Kampung Berembang dekat Hospital Gleneagles di Jalan Ampang di Kuala Lumpur dan melalui di bawah beberapa bahagian bandaraya sebelum ia berakhir di kolam simpanan air di Taman Desa dekat Jalan Klang Lama.

Sebaik siap, projek Terowong Smart

dijangka membantu mengurangkan banjir dengan besarnya dalam bandar raya ini sekurang-kurangnya 50 peratus dan mengurangkan kesesakan lalu lintas dari lebuhraya ke bandar raya.

Pemandu-pemandu kereta yang menggunakan terowong itu akan mengambil empat minit untuk sampai ke daerah membeli belah Bukit Bintang dari Sungai Besi berbanding dengan lebih dari setengah jam, bergantung kepada keadaan lalu lintas, apabila menggunakan jalan permukaan biasa.

Sebagai langkah keselamatan, hanya kereta-kereta penumpang akan dibenarkan menggunakan terowong itu manakala bas-bas, lori-lori dan motosikal akan dilarang.